



483121-H

KENYATAAN SEBUTHARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada semua syarikat yang berdaftar dengan Universiti Selangor (UNISEL) yang masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi menyertai Sebutharga berikut:

CADANGAN KERJA TURAPAN PERMUKAAN JALAN SEDIA ADA DI JALAN SEKITAR KAMPUS SHAH ALAM, UNIVERSITI SELANGOR, UNTUK TETUAN UNIVERSITI SELANGOR.

No. Sebutharga: UNISEL/JPP/SA(SH)/2018-24

Grade: G1 dan G2 Kod Bidang: CE01

Tarikh Tawaran & Tutup Sebutharga

Tarikh Pelawaan: 10 Disember 2018 (Isnin)

Tarikh Tutup: 19 Disember 2018 (Rabu)

Tempat & Tarikh Dokumen Mula Dijual

Unit Perolehan, Pejabat Kewangan, Universiti Selangor, Kampus Shah Alam,
Jalan Zirkon A7/A, Seksyen 7, 40000 Shah Alam, Selangor

Tarikh Mula Jual: 13 Disember 2018 (Khamis)
Masa : **Isnin – Khamis** : (9:00 Pg-1:00 Ptg) ; (2:00 Ptg-5:00 Ptg)
Jumaat : (9:00 Pg-12:15 Tengahari) ; (2:45 Ptg-5:00 Ptg)

Tarikh Tutup Jual: 17 Disember 2018 (Isnin)

Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama

RM100.00 (Draf Bank/Tunai)

Atas Nama: Universiti Selangor

Tarikh, Masa dan Lokasi Taklimat Tapak

Kontraktor yang berminat adalah DIWAJIBKAN menghadiri taklimat dan lawatan tapak seperti berikut

Tarikh	Masa	Lokasi
13 Disember 2018 (Khamis)	10.00am	Perkarangan Dewan Pro Canselor, Kampus Shah Alam, Unisel.

Bagi lawatan dan sesi taklimat tapak yang diwajibkan, hanya PENAMA yang tercatat di dalam Sijil LPIP/CIDB dan MOF sahaja yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak atau sesi taklimat berkenaan. Dokumen sebutharga hanya akan dinilai berdasarkan kehadiran semasa sesi taklimat dan lawatan tapak.

Dokumen Sebutharga akan dikeluarkan kepada wakil-wakil Kontraktor yang sah sahaja dan yang menghadiri sesi taklimat tapak. Untuk maksud ini, wakil-wakil kontraktor hendaklah membawa Perakuan Pendaftaran Asal, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (LPIP/CIDB) dan Kementerian Kewangan (MOF).

Dokumen Sebutharga boleh didapati pada waktu pejabat di alamat seperti tertera di atas. Dokumen Sebutharga tidak dijual selepas tempoh tersebut. Universiti Selangor (UNISEL) tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah. Universiti Selangor (UNISEL) mempunyai hak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.

Iklan Sebutharga ini juga boleh dirujuk di laman sesawang Universiti Selangor (UNISEL) di (<http://www.unisel.edu.my/tender.php>). Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan atau penerangan lanjut, pembida boleh berhubung melalui e-mel kepada (tenderjpp@unisel.edu.my)

Dokumen yang telah lengkap diisi dan dilakri serta ditulis nombor Sebutharga di sudut atas sebelah kiri sampul surat. Dokumen hendaklah diserahkan dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di

Unit Perolehan, Pejabat Kewangan, Universiti Selangor, Kampus Shah Alam, Jalan Zirkon A7/A,
Seksyen 7, 40000, Shah Alam, Selangor.

Tidak lewat dari jam **12.00 tengahari** sebelum atau pada tarikh tutup **19 Disember 2018 (Rabu)** seperti yang dinyatakan di atas. Dokumen Sebutharga yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.